Prakarsa Keempat:

Menyeimbangkan Kemajuan Ekonomi Wilayah Dan Mengukuhkan Pembangunan Desa

1. Kerajaan komited untuk menangani kesenjangan pembangunan antara wilayah bagi memastikan rakyat di desa, termasuk di negeri-negeri kurang membangun, menerima limpahan manfaat pembangunan secara adil, menyeluruh dan inklusif.

2. Naik taraf laluan sedia ada dan pembinaan jalan baharu akan diteruskan untuk memastikan akses yang lebih lancar. Antara projek tumpuan termasuklah:

   A. menaik taraf Lebuhraya PLUS laluan Senai Utara-Machap, Johor;
   B. menaik taraf Lebuhraya PLUS laluan Juru-Sungai Dua, Pulau Pinang;
   C. pembinaan Lebuhraya Lingkaran Tengah Utama, Pahang dan Kelantan;
   D. Lebuhraya Pan Borneo Sabah; dan
   E. Lebuhraya Trans Borneo di Sarawak

Lebuhraya Trans Borneo:

Merintis Pembangunan Sarawak Utara

1. Projek Lebuhraya Trans Borneo merupakan sebuah projek menaik taraf jalan sedia ada dari Miri ke Limbang dan Lawas seterusnya ke Sabah melalui Negara Brunei Darussalam sepanjang 93.2 KM.

2. Projek Lebuhraya Trans Borneo dibahagikan kepada 3 pakej melibatkan laluan dari Kuala Baram ke Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Sungai Tujuh, Miri sepanjang 5.0 kilometer (KM), dari ICQS Tedungan ke ICQS Pandaruan, Limbang (54.6KM) dan dari pekan Lawas ke ICQS Merapok, Lawas (34.1KM).

3. Projek di Bahagian Miri dijangka ditender pada suku ketiga tahun 2025, manakala projek di Bahagian Limbang dan Lawas akan dianugerahkan pada suku pertama tahun 2026.



> Projek Lebuhraya Trans Borneo (LTB) melengkapkan jalan perhubungan antara Sabah Sarawak. SST akan dikeluarkan seawal suku pertama 2026.
>
> Kerajaan akan menaik taraf struktur turapan jalan sedia ada bagi jajaran *red line* di seksyen Durin dan Salim, Sibu, Sarawak dengan kos RM350 juta.



Dato' Seri Anwar Ibrahim
Perdana Menteri Malaysia
Sumber : Berita RTM
10 Oktober 2025



Objektif:

1. Membina jaringan perhubungan darat yang lebih baik di utara Sarawak.

2. Merancakkan ekonomi di kawasan sempadan dan menghubungkan Sarawak dengan Brunei dan Sabah.

3. Memastikan akses perhubungan yang lancar dan selamat bagi penduduk tempatan.

Skop Projek:

1. **Pembinaan Fasa 1:** Bermula dari Tudan, Miri hingga ke Kuala Baram dan seterusnya ke Limbang.

2. **Laluan baharu:** Menggunakan laluan sedia ada yang dinaik taraf serta jajaran baharu yang sedang dirancang.

3. **Menghubungkan kawasan kritikal:** Projek ini akan bersambung dengan Lebuhraya Pan Borneo dan Jalan Perhubungan Sarawak-Sabah (SSLR).

4. **Tiga Fasa:** Projek ini akan dilaksanakan secara berfasa untuk memastikan liputan yang menyeluruh.

Projek Lebuhraya Trans Borneo adalah sebahagian daripada komitmen kerajaan untuk melengkapkan prasarana jalan raya di Sarawak, sekaligus membuka potensi ekonomi dan sosial di kawasan-kawasan yang terpencil.

TERBITAN:
Jabatan Penerangan Malaysia, Sarawak

SUMBER:
Laman Rasmi Kementerian Ekonomi-
Rancangan Malaysia Ketiga Belas

Jabatan Kerja Raya Sarawak

Untuk dapatkan pelbagai
Koleksi Bahan Penerbitan Digital,
sila imbas Kod QR atau layari

dbook.penerangan.gov.my

japensarawak
japensarawak
Japen Sarawak
JAPEN Sarawak
KDS TV

